

Pemuda lebih 40 layak jadi penaja

11 JUN 1994

KUALA LUMPUR 10 Jun — Semua Ketua Pergerakan Pemuda UMNO yang berusia lebih 40 tahun pada 1 Januari lalu dibenarkan memegang jawatan dalam jawatankuasa penaja cawangan dan bahagian Pemuda.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perkara itu telah diputuskan oleh Majlis Tertinggi parti itu dalam mesyuaratnya, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, berdasarkan kepada penyusunan semula kawasan-kawasan pilihanraya, UMNO telah memutuskan bahawa pentadbiran bahagian-bahagian dan susunan jawatankuasa penaja adalah menurut fasal 13 perlembagaan parti.

Jawatankuasa pengu-
P rusan akan menimbang-
kan cadangan jawatanku-
asa penaja bahagian-
bahagian pada 22 Jun
ini," katanya dalam si-
dang akhbar selepas
mempengerusikan mesy-
uarat Majlis Tertinggi
UMNO, di sini.

Ketika diminta mengu-
las dengan lebih lanjut
lagi mengenai had umur
tersebut, Setiausaha Ag-
ung UMNO, Datuk Moha-
med Rahmat berkata,
perkara itu dibenarkan
oleh MT kerana ada Ke-
tua Pemuda yang sudah
pun dipilih oleh perwakil-
an menjadi Ketua Pemuda
pada tahun lalu.

"Oleh kerana sudah ada
mandat dahulu, maka
kita beri peluang kepada
nya untuk menaja bahagi-
an sebelum bahagian me-

ngadakan sekali lagi me-
syuarat perwakilan
untuk memilih jawatan-
kuasa baru," katanya.

Bagaimanapun, kata-
nya, kumpulan berkena-
an tidak boleh lagi bertan-
ding jika terdapat pe-
milihan baru di bahagian
berkenaan kerana
dibatasi oleh umur.

Mengenai proses penu-
bahan jawatankuasa pe-
naja setakat ini, Moha-
med berkata, proses di
peringkat cawangan tidak
menghadapi sebarang
masalah termasuk di pe-
ringkat Pemuda dan Wa-
nita.

"Kita telah putuskan
semua jawatankuasa ca-
wangan yang dipilih ta-
hun lalu akan secara au-
tomatik menjadi penaja
cawangan-cawangan," ka-
tanya.

Mohamed berkata, ma-
salah yang timbul kini di
peringkat bahagian kera-
na kewujudan bahagian
baru.

"Oleh itu Majlis Terti-
nggi telah memberi kuasa
kepada Ketua Perhubu-
ngan Negeri membuat ca-
dangan tentang jawatan-
kuasa penaja bagi baha-
gian-bahagian yang sedia
ada, bahagian-bahagian
yang mengalami perubah-
an kawasan dan bahagian
baru yang wujud.

"Cadangan ini harus di-
sampaikan kepada jawat-
ankuasa pengurusan se-
belum atau pada 19 Jun
ini," katanya.

Beliau berkata, sebaik
sahaja cadangan diterima
jawatankuasa pengurus-
an yang akan bermesyua-
rat pada 20 Jun ini akan
mencadangkan kepada

Presiden supaya cadang-
an yang dikemukakan
oleh ketua perhubungan
itu diterima," katanya.

Mohamed menjelaskan,
bagi penubuhan jawatan-
kuasa penaja, cadangan
yang dikemukakan oleh
Ketua Perhubungan Ne-
geri mestilah mematuhi
fasal 13 perlembagaan
parti yang mewajibkan
cadangan itu menyena-
raikan nama ketua, tim-
balan, naib ketua, setia-
usaha, bendahari, ketua
penerangan dan 25 ahli
jawatankuasa.

"Ini bermakna mereka
harus mengemukakan ca-
dangan tersebut secara
lengkap dan bukannya se-
perti dahulu yang hanya
menyenaraikan pengeru-
si dan ahli jawatankuasa
penaja sahaja," katanya.